

5 cedera KTM Komuter bertembung tren kargo

Utusan Malaysia 19/10/2009 11/5 06



KEADAAN KTM Komuter yang rosak selepas bertembung dengan tren kargo di Stesen Tanjung Malim, Perak, semalam.

TANJUNG MALIM 18 Okt. - Perjalanan 20 penumpang dari Tanjung Malim ke KL Sentral tergendala selepas KTM Komuter dinaiki mereka bertembung dengan tren kargo di Stesen Tanjung Malim di sini hari ini.

Dalam kejadian pukul 6.02 pagi itu, lima daripada 20 penumpang tersebut cedera dan dihantar ke hospital untuk dirawat sebagai pesakit luar manakala selebihnya menggunakan tren lain bagi meneruskan perjalanan ke KL Sentral.

Ketua Pegawai Eksekutif Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Rani Hisham Samsudin berkata, pihaknya berusaha membuka landasan kepada dua laluan kerana buat masa ini satu landasan ditutup akibat kemalangan itu.

“Kami bertungkus lumus untuk ‘membebaskan’ landasan bagi laluan untuk perjalanan ke utara. Siasatan akan dilakukan dengan menjurus sama ada disebabkan masalah teknikal atau kesilapan kakitangan KTMB sendiri,” katanya di sini.

Kemalangan itu melibatkan

tren kargo dengan muatan 30 gerabak dari Stesen Jalan Kastam, Pelabuhan Klang ke Terminal Kargo Ipoh (ICT), Ipoh.

Tren KTM Komuter yang terlibat pula dijangka berlepas dari Stesen Tanjung Malim ke Stesen Pelabuhan Klang pada pukul 6.05 pagi.

Kemalangan itu menyebabkan

kan perkhidmatan tren elektrik (ETS) bagi sektor utara mengalami kelewatan perjalanan antara 10 hingga 15 minit manakala perkhidmatan KTM Komuter mengalami kelewatan antara 15 hingga 30 minit kerana hanya satu landasan dibuka.

Menurut Rani Hisham, ke-

jadiannya tersebut adalah yang kedua dalam tempoh dua tahun selepas kali terakhir berlaku di Kuala Kubu Bharu, Selangor.

“Kejadian itu menyebabkan enam koc tren komuter rosak teruk dan beberapa koc tren tersasar dari kedudukan landasan,” katanya.